

**DEWAN RAKYAT
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS (2019)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 19 MAC 2019 (SELASA)

**DARIPADA : Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid Bin Hamidi
[Bagan Datuk]**

SOALAN : 60

Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi [Bagan Datuk] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah dapatan atau nasihat yang telah diberikan oleh Jawatankuasa Pembaikan Sistem dan Undang-Undang Pilihan Raya Malaysia (*Electoral Reform Committee - ERC*) kepada pihak Kerajaan dalam menambahbaik sistem pilihan raya di Malaysia.

JAWAPAN: YB TUAN MOHAMED HANIPA BIN MAIDIN
TIMBALAN MENTERI DI
JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

1. Seperti mana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, Jawatankuasa Pembaikan Sistem dan Undang-Undang Pilihan Raya atau singkatannya ERC telah ditubuhkan dengan matlamat utama mengkaji sistem dan undang-undang pilihan raya sedia ada dan mengemukakan cadangan-cadangan untuk memperkemaskan pelaksanaannya. Objektif utama kajian ERC adalah bagi memastikan pilihan raya yang dilaksanakan di negara ini adalah pilihan raya yang berwibawa atau *credible*, dengan izin serta mendapat kepercayaan awam. Justeru, ERC diberikan tempoh selama dua (2) tahun bagi mengemukakan suatu laporan yang mengandungi cadangan-cadangan reformasi sistem dan undang-undang pilihan raya.

2. Di samping itu, dalam melaksanakan fungsinya yang berasaskan kepada Terma Rujukan, ERC akan turut bekerjasama dengan pelbagai pihak terutama Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia (SPR). Dalam tempoh dua tahun ini, Jawatankuasa tersebut akan mengkaji dan meneliti cadangan-cadangan pembaikan tentang sistem dan proses pilihan raya termasuk cadangan pindaan undang-undang pilihan raya dan undang-undang yang berkaitan. Buat masa ini, ERC giat menjalankan kajian dan perbincangan dengan pihak-pihak tempatan dan luar negara. Kerangka awal cadangan pembaikan sistem dan undang-undang pilihan raya dijangka dapat disiapkan dalam masa satu tahun.

3. Selepas tamat tempoh dua (2) tahun, satu laporan hasil kajian dan cadangan penambahbaikan akan diserahkan kepada Kerajaan dan pelaksanaan cadangan-cadangan tersebut akan ditentukan oleh Kerajaan.

Sekian, terima kasih.